



JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 20/2/2009

TUAN HAJI YAACOB BIN AB. MAJID - IMAM RAWATIB

USTAZ HAJI AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL 1

(Tajuk Khutbah : Tanggungjawab Memelihara Jati Diri Muslim)

JADUAL SOLAT HARI INI

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.06	7.23	1.27	4.44	7.27	8.37	5.56

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

Bil. 8/2009

Tarikh: 20 Februari 2009 / 24 Safar 1430H

PERCUMA

Tazkirah

RAHSIA LUQMAN AL-HAKIM DALAM MENDIDIK ANAK

Sambungan dari minggu yang lepas

Luqman menyambung, "Orang yang membahayakan dirinya sendiri maka dia akan hancur. Orang yang tidak mempergunakan akalinya maka dia akan celaka. Orang yang sombong terhadap sesamanya maka dia akan hina. Orang yang terlalu leka dalam suatu pekerjaan maka dia akan berasa bosan. Orang yang angkuh terhadap sesamanya maka dia akan binasa (hancur). Orang yang dianggap bodoh maka dia akan dicaci-maki. Orang yang berteman dengan orang-orang tercela maka dia akan hina. Orang yang bergaul dengan orang-orang pandai maka dia akan berwibawa."

Luqman berkata lagi, "Orang yang masuk dalam lingkungan jahat maka dia akan dicurigai. Orang yang memandang remeh agama maka dia akan berada dalam kehancuran. Orang yang merampas harta sesamanya maka dia akan fakir. Orang yang menanti kesembuhan maka dia bersabar. Orang yang tidak mengetahui kedudukan telapak kakinya maka dia akan menuju penyelesaian. Orang yang takut pada Allah maka dia akan meraih kemenangan. Orang yang tidak mahu mencuba segala hal maka dia akan tertipu. Orang yang memusuhi orang yang benar maka dia akan ditentang. Orang yang memikul apa yang dia tidak sanggup menjalaninya maka dia akan lemah. Orang yang mengetahui ajalnya maka dia akan pendek angan-angannya. Orang yang terbiasa dengan kebodohan maka dia akan meninggalkan jalan kebaikan."

Hikmah-Hikmah Luqman yang Ditujukan untuk Puteranya

Selain nasihat, Luqman juga banyak berpesan melalui kata-kata hikmah kepada puteranya. Berikut adalah pesanan hikmah Luqman:

1. Hikmah Luqman mengenai menghadiri majlis pertemuan.
Luqman berkata kepada anaknya, "Puteraku, apabila kamu menghadiri suatu tempat pertemuan maka halakan mereka dengan panah Islam iaitu ucapan salam. Selepas itu, duduk bersama-sama mereka dan jangan kamu berbicara sehingga mereka berbicara. Sekiranya mereka berbicara panjang lebar mengenai zikir Allah maka segerakanlah menghala mereka dengan anak panahmu. Namun, apabila mereka berbicara panjang lebar selain perkara itu, maka berpalinglah daripada mereka."
2. Hikmah Luqman mengenai posisi hikmah.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, hikmah itu akan memberikan kedudukan yang sama dengan raja kepada orang-orang miskin."
3. Hikmah Luqman mengenai takwa dan riak.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, bertakwalah kepada Allah. Jangan pula kamu riak (mempamerkan diri) kepada orang lain bahawa kamu takut pada Allah dengan tujuan supaya mereka memuliakanmu. Dengan itu, ia membuatkan hatimu penuh dengan dosa."
4. Hikmah Luqman mengenai ketaatan.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jadikan ketaatan pada Allah sebagai perniagaan pasti kamu akan memperoleh keuntungan yang banyak tanpa menjual apa pun."
5. Hikmah Luqman mengenai menyikapi orang bodoh dan orang bijak.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku,



HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



Sambungan dari minggu lepas

Nabi Zakaria seringkali mendatangi Maryam yang sibuk beribadah di tempat ibadah. Setiap kali memasuki Mihrab, dia menemui Maryam melakukan ibadah dengan khusyuk, solat, zikir dan doa. Dia juga menemui makanan dan buah-buahan yang ada di samping Maryam. Nabi Zakaria menanyakan dari mana makanan dan buah-buahan itu? Maryam menjawab:

"Makanan dan buah-buahan itu berasal dari Allah S.W.T. Allah S.W.T. Maha mulia lagi Maha agung. Allah S.W.T. memberi rezeki kepada hamba dan makhluk yang dikehendaki tanpa terkira."

Di Mihrab, Nabi Zakaria telah menyaksikan pemberian Allah S.W.T. yang tiada henti dan terkabulnya doa hamba-hamba yang ikhlas menyembah-Nya. Oleh sebab itu, dia berdoa di dalam Mihrab tersebut dengan suara yang lirih. Seakan-akan doanya itu hanyalah sebuah angan-angan. Dia berkata:

"Ya Tuhanku, sesungguhnya, tulangku telah lemah dan kepalaku telah ditumbuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau, ya Tuhanku."

(Maryam: 4)

Setelah menyebut umur yang sudah tua, tubuh yang

Bersambung di m/s 3 > >

< < *sambungan dari m/s 1*

janganlah kamu suka membantah apa yang dikatakan orang bodoh. Sekiranya itu yang kamu lakukan, dia akan mengira kamu menyukai kelakuannya. Jangan pula kamu memandang remeh kebencian orang bijak kepadamu kerana kebenciannya itu menjauhkannya daripadamu."

6. Hikmah Luqman mengenai diam (1)
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, kamu pasti akan menyesali apa yang kamu katakan tapi kamu tidak akan pernah menyesali sikap diammu."
7. Hikmah Luqman mengenai diam (2)
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, aku tidak pernah menyesali sikap diamku kerana apabila berbicara itu perak maka diam itu emas."
8. Hikmah Luqman mengenai diam (3)
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jika kamu tidak boleh berbicara, maka jangan kami juga tidak boleh bersikap diam. Sebaiknya kamu lebih menyukai untuk mendengarkan daripada kamu berbicara. Aku sendiri lebih sering menyesali berbicara tetapi aku tidak pernah menyesali sikap diamku."
9. Hikmah Luqman mengenai diam (4)
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, jika orang-orang bangga dengan keindahan berbicara maka kamu perlu berbangga dengan keindahan diam."
10. Hikmah Luqman mengenai etika diri.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, bersikaplah lemah-lembut, senangkan kebaikan, banyak berfikir, sedikit berbicara kecuali dalam perkara yang benar, banyak menangis dan sedikit

bersenang-senang. Janganlah kamu banyak ketawa, memekik dan mencela. Jika kamu berbicara, maka berbicaralah dengan penuh hikmah."

11. Hikmah Luqman mengenai taat kepada Allah.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, penuhilah kewajipan Allah. Orang yang patuh pada kewajipan Allah adalah orang yang paling baik perbuatannya. Syaitan akan lari daripada orang yang pandai. Ia juga tidak akan mampu mengendalikan orang pandai itu."
12. Hikmah Luqman mengenai keutamaan akal dan sepuluh sifat mulia.
Luqman berkata kepada puteranya, "Puteraku, tidak ada sesuatu yang digunakan sebagai medium untuk menyembah Allah yang lebih utama daripada akal. Akal seseorang boleh dikatakan sempurna (cerdas) apabila terdapat sepuluh sifat. Pertama, terbebas daripada rasa sombong. Kedua, berangan-angan memperoleh petunjuk kebenaran. Ketiga, mencari makan di dunia dengan benar. Keempat, mengeluarkan hartanya untuk disedekahkan. Kelima, lebih menyukai bersikap rendah diri daripada sombong. Keenam, lebih senang berhina diri daripada berbangga diri. Ketujuh, tidak bosan menuntut ilmu sepanjang masa. Kelapan, tidak jemu dalam memenuhi keperluan sesuai dengan kemampuannya. Kesembilan, memandang banyak kebaikan orang lain dan memandang sedikit kebaikan pada dirinya. Kesepuluh, menganggap orang lain lebih baik dari dirinya dan menganggap dirinya lebih buruk dari orang lain."

Bersambung di minggu hadapan

lemah, dan harapan yang benar, Zakaria meminta kepada Allah S.W.T. agar diberi rezeki seorang anak. Nabi Zakaria menyebutkan isterinya mandul, tidak boleh beranak dan dia khawatir kalau tidak mempunyai keturunan. Dia berharap agar anaknya nanti menjadi pewaris keluarga Ya'qub dan mempunyai akhlak yang terpuji sehingga disukai orang.

Doa Nabi Zakaria dikabulkan Allah S.W.T. Khabar gembira datang kepadanya, iaitu isterinya masih dapat mengandung dan akan melahirkan seorang anak yang diberi nama Yahya. Nama tersebut belum pernah dikenali sebelumnya.

Nabi Zakaria terkejut dengan khabar gembira itu. Sebelum ini, dia hanya menyangka bahawa doanya tidak lebih dari satu angan-angan. Dia berkata:

"Ya Tuhanku, bagaimana akan ada anak bagiku, padahal isteriku adalah seorang yang mandul dan aku (sendiri) sesungguhnya sudah mencapai umur yang sangat tua."

(Maryam: 8)

Jawapan datang kepada Nabi Zakaria secara terus. Jawapan itu mengingatkan kelupaan Nabi Zakaria akan kekuasaan Allah S.W.T. yang tiada batasnya Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Demikianlah." Tuhan berfirman yang bermaksud: 'Perkara itu adalah mudah bagi-Ku dan sesungguhnya telah Aku ciptakan kamu sebelum itu, padahal kamu (di waktu itu) belum wujud sama sekali.'

(Maryam: 9)

Nabi Zakaria meminta kepada Tuhannya agar dia diberi petanda. Lalu Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Tanda bagi kamu ialah bahawa kamu tidak dapat bercakap-cakap dengan manusia selama tiga malam, padahal kamu sihat."

(Maryam: 10)

Nabi Zakaria keluar dari Mihrab dalam tempat ibadah itu. Hatinya menjadi berbunga-bunga dengan khabar gembira dari Allah S.W.T. Oleh sebab itu, dia mengajak manusia memuji dan menyucikan Allah S.W.T. di waktu siang dan malam, pagi dan petang.

Nabi Yahya a.s

Isteri Zakaria mengandung, kemudian melahirkan Yahya. Di saat Yahya masih kecil dan masih disusu ibunya, datang khabar gembira dari Allah S.W.T. berupa kenabian Yahya a.s. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

"Hai Yahya, ambillah al-Kitab (Taurat) itu dengan bersungguh-sungguh dan Kami berikan kepadanya hikmah selagi dia masih kanak-kanak dan rasa belas kasihan yang mendalam dari sisi Kami dan kesucian (dari dosa) dan dia adalah seorang yang bertakwa, dan banyak berbakti kepada kedua orang tuanya dan bukanlah dia orang yang sombong lagi derhaka. Kesejahteraan atas dirinya pada hari dia dilahirkan dan pada hari dia meninggal dan pada hari dia dibangkitkan hidup kembali."

(Maryam: 12-15)

Nabi Zakaria dan isterinya bahagia dengan khabar gembira ini. Kedua-duanya bersyukur kepada Allah

Bersambung di m/s 4 >>>

Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

Pelajaran Tiga Ratus Sembilan Puluh Enam

هَيَّا نَلْعَبْ

MARI KITA BERMAIN

مروان : مَا أَنْوَاعُ الْأَلْعَابِ الَّتِي تُشَاهِدُهَا فِي الْأَسْتَادِ؟

Marwan: Apakah jenis-jenis permainan yang awak saksikan di stadium?

سهيب : تَنَافَسَ الرِّيَاضِيُّونَ فِي أَلْعَابٍ مُتَنَوِّعَةٍ مِنْهَا الْوَتْبُ الْعَالِي

وَسِيَّاقُ الدَّرَاجَةِ وَرَفْعُ الْأَثْقَالِ.

Shuaib: Bertarung para ahli sukan dalam pelbagai permainan antaranya lompat tinggi, lumba basikal dan angkat berat.

حليمة : أَيُّ فِرْقَةٍ فَازَتْ فِي ذَلِكَ الْمَهْرَجَانِ؟

Halimah: Pasukan mana yang telah menang dalam kejohanan tersebut?

سهيب : فَازَتْ وِلَايَةُ سَلَاغُورِ بِالْمَرْكَزِ الْأَوَّلِ فِي هَذَا الْمَهْرَجَانِ.

Shuaib: Negeri Selangor telah menang tempat pertama dalam kejohanan ini.

المُعْجَمُ : **Kamus**

الْوَتْبُ الْعَالِي : Lompat tinggi

فِرْقَةٌ : Pasukan, kumpulan, kelab

فَازَتْ : Telah memenangi

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
(Ketua Menteri Melaka)

PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad
(Timbalan Pengerusi MAIM)

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad
(Pengarah JAIM)

KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad
Bin Hashim Al-Hafiz
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman
(Bilal Satu)

PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim
(Imam Satu)

SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah
(Penyambut Tetamu)

JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kulia Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kulia Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim 8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak 10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz 8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

<< < sambungan dari m/s 3

S.W.T. di atas keluasaan anugerah dan kenikmatan-Nya. Nabi Zakaria sudah hidup bertahun-tahun. Setelah risalah yang dibawanya selesai disampaikan dia meninggal dunia.

Maryam Hamil

INGATKAH kamu, wahai anakku, bagaimana Allah S.W.T. menjawab kehairanan Nabi Zakaria di atas khabar gembira bahawa isterinya mengandung Yahya. Allah S.W.T. berfirman:

"Demikianlah Tuhan berfirman, 'Hal itu adalah mudah bagi-Ku dan sesungguhnya telah Aku ciptakan kamu sebelum itu, padahal kamu (di waktu itu) belum ada sama sekali."

(Maryam: 9)

Dengan cara seperti itu dan atas perintah Allah S.W.T. dan rencana-Nya, Maryam mengandungkan Isa. Maryam adalah wanita yang telah mencapai darjat kesucian yang paling tinggi. Oleh kerana itu, Allah S.W.T. memilihnya agar menjadi tanda kekuasaan dan keagungan Allah S.W.T.

Allah S.W.T. mengutus Jibril yang mengubah bentuknya menjadi manusia. Maryam menjadi takut dan khuatir. Dia berkata:

"Sesungguhnya aku berlindung daripadamu kepada

Tuhan yang Maha Pemurah, jika kamu seorang yang bertakwa. "

(Maryam: 18)

Maryam bertanya: "Apakah yang kamu inginkan?" Malaikat Jibril menenangkan hati Maryam dengan berkata:

"Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang utusan Tuhanmu, untuk memberimu seorang anak lelaki yang suci."

(Maryam: 19)

Mendengar itu, Maryam semakin takut, gemetar dan gelisah. Dia berkata:

"Bagaimana akan ada bagiku seorang anak lelaki, sedang tidak pernah seorang manusia pun menyentuhku dan aku bukan (pula) seorang pezina!"

(Maryam: 20)

Jibril menjawab: "Demikianlah. Tuhanmu berfirman, 'Hal itu adalah mudah bagi-Ku dan agar dapat Kami menjadikannya suatu tanda bagi manusia dan sebagai rahmat dari Kami dan perkara itu adalah suatu perkara yang sudah diputuskan.'"

(Maryam: 21)

Bersambung di minggu hadapan

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

13.2.2009 - RM 5057.00

PERINGATAN :
SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : Masjid Al-Azim Negeri Melaka.
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : Percetakan Surya Sdn. Bhd.